



**Terma & Syarat Program Penukaran Baki Automatik BSN bagi Kad Kredit/-i BSN**  
(Dibaca bersama *Perjanjian Ahli Kad Kredit/-i BSN Visa/Mastercard*)

Program Penukaran Baki Automatik BSN ("Program") disediakan kepada Ahli Kad Kredit/-i Bank Simpanan Nasional ("BSN") Visa/Mastercard ("Ahli Kad") yang memenuhi kriteria kelayakan seperti yang ditetapkan di sini. Melalui Program ini, baki tertunggak Ahli Kad akan ditukarkan secara automatik kepada ansuran bulanan untuk 36 bulan.

**Kelayakan**

1. Program ini hanya terpakai untuk Ahli Kad yang memenuhi kriteria kelayakan berikut:
  - a. Warganegara: Malaysia;
  - b. Pendapatan bulanan tidak melebihi RM5,000 (mengikut pendapatan terkini Ahli Kad dalam rekod BSN);
  - c. Nisbah purata pembayaran tidak melebihi 10% dalam tempoh 12 bulan yang lalu; (Nisbah pembayaran = Jumlah pembayaran sepanjang 12 bulan yang lalu/jumlah baki penyata selama 12 bulan yang terakhir)
  - d. Akaun kad kredit/-i BSN Visa/Mastercard Ahli Kad ("**Akaun**") adalah terkini dan tidak bermasalah; dan
  - e. Ahli Kad mempunyai baki tertunggak minimum sebanyak RM1,000 pada penyata Akaun ("**Akaun Penukaran Baki Automatik**").
2. Kelayakan Ahli Kad akan dinilai setiap tahun.
3. Sekiranya Ahli Kad didapati layak untuk menyertai Program ini, BSN akan memaklumkan kepada Ahli Kad melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("**SMS**") bahawa BSN akan mendaftarkan Ahli Kad ke dalam Program tersebut.
4. Sekiranya BSN tidak menerima sebarang maklum balas dari Ahli Kad yang menunjukkan keputusan Ahli Kad untuk menarik diri daripada Program:
  - a. Ahli Kad dianggap telah menerima untuk menjadi peserta dan bersetuju untuk didaftarkan ke dalam Program; dan
  - b. BSN akan mendaftarkan Ahli Kad secara automatik ke dalam Program yang akan berkuat kuasa pada bulan berikutnya.
5. Ahli Kad yang tidak ingin menyertai Program ini boleh memilih untuk menarik diri dengan

menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di talian 03-2613 1900 dalam tempoh yang tertera di dalam SMS.

### **Amaun Penukaran Baki Automatik**

6. Setelah Program berkuat kuasa, Amaun Penukaran Baki Automatik akan ditukar kepada pelan ansuran selama 36 bulan, dan kadar Caj Keuntungan/Faedah tetap sebanyak 7.1% setahun akan dikenakan, yang bersamaan dengan kadar efektif Caj Keuntungan/Faedah sebanyak 13% setahun, dikira sepanjang tempoh penuh Penukaran Baki Automatik tersebut ("**Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik**").

### **Tempoh Bertenang Selepas Penukaran**

7. Setelah penukaran berjaya, Ahli Kad akan menerima SMS yang menyatakan Jumlah Penukaran Baki Automatik.
8. Ahli Kad diberikan tempoh bertenang selama 30 hari ("**Tempoh Bertenang**") yang hanya tersedia bagi penukaran kali pertama dalam Program ini di mana Ahli Kad mempunyai pilihan berikut:
  - a. Sekiranya Ahli Kad memilih untuk membatalkan penukaran kali pertama dalam tempoh 30 hari Tempoh Bertenang, Jumlah Penukaran Baki Automatik akan dikembalikan semula ke dalam Akaun Ahli Kad. Caj biasa bagi Akaun tersebut akan dikenakan selaras dengan Perjanjian Pemegang Kad BSN Visa/Mastercard yang berkenaan ("**Perjanjian**"); atau
  - b. Sekiranya Ahli Kad memilih untuk membatalkan pelan ansuran selepas 30 hari Tempoh Bertenang, Ahli Kad perlu membayar balik Jumlah Penukaran Baki Automatik sepenuhnya.
9. Bagi penyertaan baharu berikutnya dalam Program ini, sekiranya Ahli Kad berhasrat untuk membatalkan pelan ansuran selepas ia berkuat kuasa, Ahli Kad perlu menjelaskan sepenuhnya Amaun Penukaran Baki Automatik sebelum permohonan pembatalan dapat diproses oleh BSN.
10. Sebarang pembatalan yang dibuat di bawah Klausula 8 dan 9 adalah tertakluk kepada ketetapan yang dinyatakan di bawah Klausula 20.

### **Akaun**

11. Setelah Program dimulakan, Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik (yang merangkumi Amaun Penukaran Baki Automatik dan Caj Keuntungan/Faedah) akan dipaparkan dalam penyata Akaun Ahli Kad pada tarikh penyata akaun yang seterusnya.
12. Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik merupakan sebahagian daripada bayaran minimum bulanan Ahli Kad. Ansuran tersebut hendaklah dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir bayaran.
13. Jumlah Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik adalah tetap. Sebarang bayaran lebih daripada jumlah tersebut tidak akan mengurangkan baki prinsipal tertunggak atau ansuran bulanan berikutnya, dan hanya akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan.
14. Sekiranya Ahli Kad gagal menjelaskan Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik sepenuhnya selama tiga (3) bulan berturut-turut, BSN berhak untuk menamatkan Program yang diberikan kepada Ahli Kad secara automatik. Setelah itu, keseluruhan baki prinsipal Amaun Penukaran Baki Automatik berserta Caj Keuntungan/Faedah yang berkenaan, caj bayaran lewat, serta baki jumlah lain yang terhutang di bawah Akaun Ahli Kad hendaklah dijelaskan dengan serta-merta.

#### **Had Kemudahan**

15. Amaun Penukaran Baki Automatik yang diluluskan akan dianggap sebagai sebahagian daripada had kemudahan kredit tersedia bagi semua Akaun Ahli Kad, termasuk akaun kad kredit tambahan (jika ada), dan akan mengurangkan had kemudahan kredit yang tersedia. Had kemudahan kredit tersebut akan dipulihkan secara berperingkat dan boleh digunakan semula mengikut jumlah bahagian prinsipal daripada setiap Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik yang telah dibayar.

#### **Pembayaran Lewat**

16. Sekiranya Ahli Kad gagal membayar Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik pada atau sebelum tarikh akhir bayaran, BSN akan mengenakan Caj Keuntungan/Faedah ke atas jumlah yang tidak dibayar. Kadar Caj Keuntungan/Faedah yang berkenaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Pendedahan Produk Kad Kredit/-i BSN yang boleh diakses di laman sesawang BSN ([www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)) ("**Laman Sesawang BSN**").
17. Caj Keuntungan/Faedah tersebut akan dikira mulai tarikh urus niaga direkodkan dalam

Akaun sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Ahli Kad.

18. **Bagi Kad Kredit Islamik**, sekiranya Ahli Kad gagal membayar Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik pada atau sebelum tarikh akhir bayaran, Ta'widh (gantirugi) juga akan dikenakan selaras dengan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad Al-Aiman Visa/Mastercard BSN yang boleh dirujuk di Laman Sesawang BSN.
19. **Bagi Kad Kredit Konvensional**, sekiranya Ahli Kad gagal membayar Bagi Kad Kredit Konvensional, sekiranya Ahli Kad gagal membayar Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik pada atau sebelum tarikh akhir bayaran, Caj Bayaran Lewat juga akan dikenakan selaras dengan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard BSN yang boleh dirujuk di Laman Sesawang BSN pada atau sebelum tarikh akhir bayaran, Caj Bayaran Lewat juga akan dikenakan selaras dengan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard BSN yang boleh dirujuk di Laman Sesawang BSN.

#### **Tiada Happy Points atau Rebat Tunai**

20. Ahli Kad tidak layak untuk sebarang Happy Points BSN atau rebat tunai berkenaan bagi penyertaan dalam program ini.

#### **Pembatalan dan Pembayaran Penuh**

21. Sekiranya Ahli Kad berhasrat untuk membuat penyelesaian penuh atau membatalkan penyertaan dalam Program ini, keseluruhan Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik (yang merangkumi Amaun Penukaran Baki Automatik tertunggak dan Caj Keuntungan/Faedah) akan dicaj ke Akaun Ahli Kad.
22. Semua jumlah yang dinyatakan di atas akan dipaparkan dalam penyata bulanan Akaun Ahli Kad, dan Ahli Kad hendaklah membuat bayaran tersebut selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Perjanjian Ahli Kad. Kegagalan berbuat demikian memberi hak kepada BSN untuk melaksanakan tindakan yang sewajarnya di bawah Perjanjian tersebut. Ahli Kad hendaklah segera menjelaskan semua baki tertunggak setelah pembatalan dibuat.
23. Ahli Kad boleh mengemukakan permohonan untuk membuat penyelesaian penuh atau pembatalan Amaun Penukaran Baki Automatik melalui e-mel ke [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my) atau menghubungi Pusat Perhubungan BSN di talian 03-2613 1900.

#### **Hak BSN untuk Menamatkan**

24. Setiap perkara berikut akan dianggap sebagai peristiwa keingkar (event of default), dan apabila mana-mana peristiwa tersebut berlaku, semua Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik tertunggak dan/atau apa-apa jumlah yang masih terhutang di bawahnya akan serta-merta menjadi hutang yang perlu dijelaskan sepenuhnya oleh Ahli Kad, tanpa menjejaskan hak Bank untuk menuntut pembayaran bagi keseluruhan atau sebahagian daripada Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik serta semua jumlah lain yang masih terhutang di bawahnya. Semua Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik tertunggak tersebut akan dipaparkan dalam penyata bulanan Akaun Ahli Kad, dan Ahli Kad hendaklah membuat bayaran tersebut mengikut peruntukan yang dinyatakan di bawah Perjanjian Ahli Kad. Bank berhak untuk melaksanakan apa-apa tindakan remedi yang diperuntukkan di bawah Perjanjian tersebut sekiranya.
- a. Ahli Kad ingkar terhadap mana-mana kewajipan yang dinyatakan di sini atau di bawah Perjanjian;
  - b. Terdapat keingkar bayaran bagi Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah terma ini atau Akaun Ahli Kad;
  - c. Program ini ditamatkan;
  - d. Mana-mana terma dan syarat di sini, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab, tidak lagi berkuat kuasa, tidak sah, terbatal, ditolak atau tidak dapat dilaksanakan;
  - e. Menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk menyediakan atau meneruskan penyediaan Program kepada Ahli Kad;
  - f. Berlaku apa-apa keadaan yang pada pandangan Bank boleh menyebabkan Bank tidak dapat menyediakan atau meneruskan penyediaan Program kepada Ahli Kad; atau
  - g. Kad dibatalkan atau Akaun Ahli Kad ditamatkan.

### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

25. Dengan menyertai Program ini, Ahli Kad dianggap bersetuju bahawa:
- a. Ahli Kad telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, Terma dan Syarat di bawah Perjanjian, dan/atau mana-mana Terma dan Syarat lain yang berkaitan sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk sebarang pindaan terhadapnya; dan
  - b. Ahli Kad hendaklah melayari Laman Sesawang BSN dan/atau mana-mana laman media sosial rasmi BSN secara berkala bagi memastikan Ahli Kad sentiasa dimaklumkan tentang sebarang perubahan atau pindaan terhadap Terma dan Syarat ini.

26. Semua keputusan BSN berhubung dengan perkara yang berkaitan dengan Program ini adalah muktamad, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan, serta mengikat semua Ahli Kad.
27. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk meminda, mengubah, memadam atau menambah mana-mana bahagian daripada Terma dan Syarat ini, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari sebelum pindaan, perubahan, pemadaman atau penambahan tersebut berkuat kuasa. Notis tersebut boleh disampaikan melalui Laman Sesawang BSN dan/atau laman media sosial rasmi BSN, melalui pos, hebahan di media massa, notis di cawangan BSN, transmisi elektronik, atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh BSN. Sebarang pindaan, perubahan, pemadaman atau penambahan terhadap Terma dan Syarat ini yang dibuat selaras dengan Klausula ini akan mengikat Ahli Kad dan dianggap telah dimaklumkan serta diketahui oleh Ahli Kad. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti yang dialami oleh Ahli Kad, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada perubahan tersebut.
28. Sebarang pindaan yang dibuat akan mengikat Ahli Kad. Sekiranya timbul sebarang pertikaian berhubung dengan Terma dan Syarat ini, keputusan BSN adalah muktamad, konklusif dan mengikat.
29. Bank berhak untuk mendebit secara automatik keseluruhan atau mana-mana bahagian Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik tertunggak ke Akaun Ahli Kad sekiranya Ahli Kad memohon untuk menamatkan penggunaan Kad atau sekiranya Bank menutup Akaun Ahli Kad atas apa jua sebab.
30. Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjelaskan semua yuran dan caj yang dikenakan ke atas Kad, serta sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berwajib di Malaysia, mengikut kadar semasa yang ditetapkan.
31. Ahli Kad hendaklah menanggung sepenuhnya segala liabiliti dan tanggungjawab sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kejadian (termasuk kematian) yang berpunca daripada penyertaan mereka dalam Program ini.
32. BSN tidak bertanggungjawab terhadap sebarang masalah teknikal yang menghalang

mana-mana individu daripada menyertai Program ini. Ini termasuk masalah teknikal yang berlaku di pihak BSN atau di pihak Ahli Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada isu berkaitan sambungan internet, keserasian peranti, atau penyedia rangkaian Ahli Kad.

33. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada nombor Akaun Ahli Kad, Program ini akan didebitkan secara automatik ke dalam akaun kad kredit baharu Ahli Kad, yang dikeluarkan di bawah prosedur “penukaran”, “kad hilang”, atau “penipuan”.
34. Dalam apa jua keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan, reputasi, peluang perniagaan atau kerugian langsung, tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang dialami oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, walau apa pun puncanya, sama ada disebabkan oleh kontrak, kecuaiian, atau sebaliknya, yang berkaitan dengan Program ini.
35. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau menanggung liabiliti dalam apa jua bentuk atau cara sekalipun terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami secara langsung atau tidak langsung oleh Ahli Kad akibat daripada penyertaan mereka dalam Program ini atau sebaliknya.
36. Tambahan pula, BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan melaksanakan kewajipannya di bawah Program ini sekiranya berlaku keadaan force majeure, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau wabak, peperangan (diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), mogok, rusuhan, sekatan kerja, tindakan perindustrian, kekacauan awam, perbuatan pengganas, pertikaian, ketegangan pekerja, sekatan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kemalangan, kegagalan mesin, kegagalan sistem pemprosesan data, kadar transmisi, sistem telekomunikasi atau sistem elektrik, atau sebarang kejadian lain yang berada di luar kawalan munasabah BSN.
37. BSN berhak untuk:
  - a. Mengubah, menggantung atau membatalkan Program sekiranya ia tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang disebabkan oleh gangguan teknikal atau kerosakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pengubahsuaian tidak sah, campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, atau sebarang sebab lain yang berada di luar kawalan BSN walaupun selepas usaha terbaik dilakukan oleh BSN;

- b. Mendiskualifikasi mana-mana Ahli Kad yang didapati atau disyaki mengubah proses Program, mengganggu operasi Program, atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Program ini; dan
  - c. Mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang pada pertimbangan BSN telah melakukan aktiviti penipuan atau sebarang tindakan lain yang boleh memudaratkan Program atau BSN.
38. Ahli Kad bersetuju dan memberikan kebenaran untuk butiran peribadi mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi atau maklumat lain, dikumpul, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh BSN (jika ada) bagi tujuan pelaksanaan Program ini, selaras dengan Dasar Privasi BSN, yang boleh dirujuk di Laman Sesawang BSN. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan Dasar Privasi BSN, maka Dasar Privasi BSN akan diguna pakai.
39. Ahli Kad mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
- a. Menarik balik kebenaran penggunaan Data Peribadi mereka;
  - b. Memohon pembetulan atau kemas kini terhadap Data Peribadi mereka; dan
  - c. Mengemukakan sebarang pertanyaan berhubung dengan penggunaan Data Peribadi tersebut dengan menghubungi BSN seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi BSN.
40. Ahli Kad bersetuju bahawa penarikan balik kebenaran terhadap penggunaan Data Peribadi mereka boleh menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan dalam Program ini, dan oleh itu BSN berhak untuk memberhentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Ahli Kad dalam Program yang berkaitan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Ahli Kad.
41. Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat di bawah Perjanjian, dan Ahli Kad bersetuju bahawa Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian tersebut. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian, maka Terma dan Syarat ini akan mengatasi Perjanjian tersebut setakat mana ia berkaitan dengan Program ini.
42. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti atau bahan lain yang berkaitan dengan Program ini, maka Terma dan Syarat ini akan diguna pakai. Sebarang perkara berkaitan dengan Program ini yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini akan ditentukan



sepenuhnya oleh BSN atas budi bicara mutlakny.

43. Semua bahan yang berkaitan dengan Program ini termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, logo, kandungan promosi dan bahan bercetak adalah harta intelek milik BSN, dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada BSN.
44. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaya.
45. Semua istilah dan ungkapan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini hendaklah mempunyai makna yang sama seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian, kecuali jika konteksnya memerlukan tafsiran yang berbeza atau jika dinyatakan sebaliknya dengan jelas.

(versi 11/25)